

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah pemilik sebenar syarikat Good Star Limited yang menerima bayaran US\$1.03 bilion daripada 1MDB sedangkan Bank Negara telah mendapati bahawa ia dimiliki oleh seorang individu yang tiada kaitan dengan syarikat Petrosaudi International Limited.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod syarikat 1MDB, Good Star Limited adalah dimiliki oleh kumpulan Petrosaudi, pada masa pembayaran dana tersebut dibuat oleh 1MDB. Semua pembayaran dana yang dibuat

oleh 1MDB adalah untuk memperoleh kepentingan sebanyak 40% di dalam syarikat usahasama. Dana tersebut juga telah diakui diterima oleh kumpulan Petrosaudi berdasarkan perjanjian-perjanjian yang dimeterai pada masa pembayaran tersebut dibuat.